



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 19 SEPTEMBER 2022**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAFI SALUR PULUHAN JUTA RINGGIT KEPADA SEKTOR PERTANIAN TERJEJAS BENCANA ALAM, NASIONAL, SH -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	BANTUAN PULUHAN JUTA RINGGIT KEPADA SEKTOR TANI TERJEJAS BAH, NASIONAL, BH -5	
3.	MAFI SALUR WANG, PERALATAN KEPADA SEKTOR PERTANIAN TERJEJAS BENCANA, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE	
4.	MAFI SALUR PULUHAN JUTA RINGGIT KEPADA SEKTOR PERTANIAN TERJEJAS BENCANA ALAM, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	
5.	DISKUSI INDUSTRI AGROMAKANAN, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	
6.	BANGKAI PENYU HIJAU DITEMUI DI PANTAI MAWILLA, NASIONAL, SH -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	PASAR TANI BERKONSEPKAN LESTARI DAN PINTAR AKAN DIPERLUAS, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	FAMA TO UPGRADE PASAR TAMU IN BELURAN, BERITA RTM -TV1	
9.	CASH AID FOR DISASTER-HIT AGRICULTURAL SECTOR, BORNEO POST (KK) -ONLINE	
10.	CASH AID FOR AGRICULTURE SECTOR, NATION, THE STAR -10	
11.	PERLUAS PASAR TANI AGRO PELANCONGAN, LOKAL, HM -19	
12.	100 PERATUS PASAR TANI TANPA TUNAI DI PAHNAG TAHUN DEPAN, DALAM NEGERI, UM -29	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
13.	TIADA TRANSAKSI TUNAI DI PASAR TANI, NEGERI PAHANG, SH -31	
14.	MADA SELESAIKAN ISU PROJEK PENGAIRAN, NEGERI KEDAH, SH -32	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
15.	JUALAN MURAH KELUARGA MALAYSIA CAPAI SASAAN, NEGARA, KOSMO -4	LAIN-LAIN
16.	KELANTAN HAB TERNAKAN BIRI-BIRI GARUT, NEGERI KELANTAN, SH -35	
17.	REZEKI BERALIH BIDANG, MAMPU PASARKAN LEBIH 2,000 EKOR AYAM, EKONOMI, UM -37	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

## MAFI salur puluhan juta ringgit kepada sektor pertanian terjejas bencana alam

**BELURAN** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan puluhan juta ringgit dalam bentuk bantuan tunai dan peralatan kepada sektor pertanian yang terkesan bencana alam termasuk banjir, setiap tahun.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kementerian sentiasa mengambil tindakan bagi mengurangkan impak terhadap tanaman dan ternakan menerusi jabatan dan agensi di bawah MAFI yang sentiasa bersiaga, terutama dalam menghadapi banjir pada setiap penghujung tahun.

"Walaupun bencana seperti banjir sentiasa berlaku, tetapi magnitudnya berbeza. Contohnya pada tahun lepas, tahap banjir di seluruh negara agak kritikal dan memberi impak kepada sektor agromakanan.

"Tahun ini juga tidak banyak bezanya dan kita sentiasa siap siaga agar impaknya dapat dikurangkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di sini pada Ahad.

Ronald berkata, masyarakat nelayan, petani, peladang dan penternak merupakan komuniti penting yang harus dijaga oleh kerajaan sejajar Dasar Agromakanan Negara demi kelangsungan sekuriti makanan negara.

Mengenai Program Semarak Tani Keluarga Malaysia, beliau berkata, program itu merupakan rangkuman produk di bawah MAFI bertujuan membantu memperkasa komuniti agromakanan luar bandar, selain menyampaikan maklumat tentang pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat lapangan.

"Program ini ialah usaha MAFI bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas secara langsung komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan melalui kementerian, serta memberikan jaminan terhadap komitmen dan usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup me-



**RONALD KIANDÉE**

reka," katanya.

Pada program itu, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran turut menyaksikan sesi penyerahan Pasar Tamu Beluran baharu yang dibangunkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kos RM746,000 kepada Majlis Daerah Beluran.

Beliau turut mengumumkan penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan yang merupakan PNK ke-15 di Sabah, serta proses penubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Telupid, yang kini dalam peringkat akhir.

Selain itu, beliau menyerahkan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Laut secara tunai berjumlah RM193,275.80 kepada 650 nelayan laut Beluran.

Beliau memaklumkan nilai bayaran ESHN Laut bagi seluruh Sabah bagi tahun ini berjumlah RM22,013,900 yang memanfaatkan 7,671 nelayan laut.

Program dua hari itu berjaya mengutip nilai jualan berjumlah kira-kira RM175,000 melibatkan 184 usahawan, dengan 21,000 pengunjung. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

## Bantuan puluhan juta ringgit kepada sektor tani terjejas bah

**Beluran:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan puluhan juta ringgit dalam bentuk bantuan tunai dan peralatan kepada sektor pertanian yang terkesan bencana alam termasuk banjir, setiap tahun.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata kementerian sentiasa mengambil tindakan bagi mengurangkan impak terhadap tanaman dan ternakan menerusi jabatan dan agensi di bawah MAFI yang sentiasa bersedia, terutama dalam menghadapi banjir pada setiap penghujung tahun.

"Walaupun bencana seperti banjir sentiasa berlaku, magnitudnya berbeza. Contohnya pada tahun lalu, tahap banjir di seluruh negara agak kritikal dan memberi impak kepada sektor agromakanan.

"Tahun ini juga tidak banyak bezanya dan kita sentiasa siap sedia agar impaknya dapat dikurangkan," katanya selepas merasmikan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di sini, semalam.

Ronald berkata, golongan nelayan, petani, peladang dan penternak adalah komuniti penting yang harus dijaga kerajaan sejajar Dasar Agromakanan Negara demi kelangsungan sekuriti makanan negara.

Mengenai Program Semarak Tani Keluarga Malaysia, beliau berkata program itu rangkuman produk di bawah MAFI bertujuan membantu memperkasa komuniti agromakanan luar bandar, selain menyampaikan maklumat tentang pendekatan serta dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat pada peringkat lapangan.

"Program ini ialah usaha MAFI bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas secara langsung komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan melalui kementerian serta memberikan jaminan terhadap komitmen dan usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka," katanya.

Pada program itu, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran turut menyaksikan sesi penyerahan Pasar Tamu Beluran baharu yang dibangunkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kos RM746,000 kepada Majlis Daerah Beluran.

Beliau turut mengumumkan penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan yang juga PNK ke-15 di Sabah, serta proses penubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Telupid, yang kini pada peringkat akhir.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2022	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

## Mafi salur wang, peralatan kepada sektor pertanian terjejas bencana



KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menyalurkan puluhan juta ringgit dalam bentuk bantuan tunai dan peralatan kepada sektor pertanian yang terkesan bencana alam termasuk banjir, setiap tahun.

Menterinya Ronald Kiandee berkata kementerian sentiasa mengambil tindakan bagi mengurangkan impak terhadap tanaman dan ternakan menerusi jabatan dan agensi di bawah Mafi yang sentiasa

bersiap siaga, terutama dalam menghadapi banjir pada setiap penghujung tahun.

“Walaupun bencana seperti banjir sentiasa berlaku, tetapi magnitudnya berbeza. Contohnya pada tahun lepas, tahap banjir di seluruh negara agak kritikal dan memberi impak kepada sektor agromakanan.

“Tahun ini juga tidak banyak bezanya dan kita sentiasa siap siaga agar impaknya dapat dikurangkan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di Beluran hari ini.

Ronald berkata masyarakat nelayan, petani, peladang dan penternak merupakan komuniti penting yang harus dijaga oleh kerajaan sejajar Dasar Agromakanan Negara demi kelangsungan sekuriti makanan negara.

Mengenai Program Semarak Tani Keluarga Malaysia, beliau berkata program itu merupakan rangkuman produk di bawah Mafi bertujuan membantu memperkasa komuniti agromakanan luar bandar, selain menyampaikan maklumat tentang pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat lapangan.

“Program ini ialah usaha Mafi bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas secara langsung komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan melalui kementerian, serta memberikan jaminan terhadap komitmen dan usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka,” katanya.

Pada program itu, Ronald yang juga ahli Parlimen Beluran turut menyaksikan sesi penyerahan Pasar Tamu Beluran baharu yang dibangunkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kos RM746,000 kepada Majlis Daerah Beluran.

Beliau turut mengumumkan penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan yang merupakan PNK ke-15 di Sabah, serta proses penubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Telupid, yang kini dalam peringkat akhir.

Selain itu, beliau menyerahkan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Laut secara tunai berjumlah RM193,275.80 kepada 650 nelayan laut Beluran.

Beliau memaklumkan nilai bayaran ESHN Laut bagi seluruh Sabah bagi tahun ini berjumlah RM22,013,900 yang memanfaatkan 7,671 nelayan laut.

Program dua hari sejak semalam itu berjaya mengutip nilai jualan berjumlah kira-kira RM175,000 melibatkan 184 usahawan, dengan 21,000 pengunjung. – Bernama, 18 September, 2022.

19 SEP, 2022

## MAFI salur puluhan juta ringgit kepada sektor pertanian terjejas bencana alam

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# MAFI salur puluhan juta ringgit kepada sektor pertanian terjejas bencana alam

Kementerian sentiasa proaktif bagi kurangkan impak terhadap tanaman, ternakan

**BELURAN:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan puluhan juta ringgit dalam bentuk bantuan tunai dan peralatan kepada sektor pertanian yang terjejas bencana alam termasuk banjir, setiap tahun.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata kementerian sentiasa mengambil tindakan bagi mengurangkan impak terhadap tanaman dan ternakan menerusi jabatan dan agensi di bawah MAFI yang sentiasa bersedia, terutama dalam menghadapi banjir pada setiap penghujung tahun.

"Walaupun bencana seperti banjir sentiasa berlaku, tetapi magnitudnya berbeza. Contohnya pada tahun lepas, tahap banjir di seluruh negara agak kritikal dan memberi impak kepada sektor agro-

makanan.

"Tahun ini juga tidak banyak bezanya dan kita sentiasa siap siaga agar impaknya dapat dikurangkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di sini semalam.

Ronald berkata, masyarakat nelayan, petani, peladang dan penternak merupakan komuniti penting yang harus dijaga oleh kerajaan sejajar Dasar Agromakanan Negara demi kelangsungan sekuriti makanan negara.

Mengenai Program Semarak Tani Keluarga Malaysia, beliau berkata program itu merupakan rangkuman produk di bawah MAFI berkerjasama membantu memperkasa komuniti agromakanan luar bandar, selain menyam-

pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat lapangan.

"Program ini ialah usaha MAFI bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas secara langsung komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan melalui kementerian, serta memberikan jaminan terhadap komitmen dan usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka," katanya.

Pada program itu, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran turut menyaksikan sesi penyerahan Pasar Tamu Beluran baharu yang dibangunkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kos RM746,000 kepada Majlis Daerah Beluran.

Beliau turut mengumum-

“Walaupun bencana seperti banjir sentiasa berlaku, tetapi magnitudnya berbeza. Contohnya pada tahun lepas, tahap banjir di seluruh negara agak kritikal dan memberi impak kepada sektor agromakanan.”

Datuk Seri Dr Ronald Khandee  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan

kan penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan yang merupakan PNK ke-15 di Sabah, serta proses penubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Telupid, yang kini dalam peringkat akhir.

Selain itu, beliau menyerahkan Ekaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Laut secara tunai berjumlah RM193,275.80 kepada 650 nelayan laut

Beluran.

Beliau memaklumkan nilai bayaran ESHN Laut bagi seluruh Sabah bagi tahun ini berjumlah RM22,013,900 yang memanfaatkan 7,671 nelayan laut.

Program dua hari sejak kelmarin itu berjaya mengutip nilai jualan berjumlah kira-kira RM175,000 melibatkan 184 usahawan, dengan 21,000 pengunjung. — Bernama



19 SEP, 2022

## MAFI salur puluhan juta ringgit kepada sektor pertanian terjejas bencana alam

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kementerian sentiasa proaktif bagi kurangkan impak terhadap tanaman, ternakan

BELURAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan puluhan juta ringgit dalam bentuk bantuan tunai dan peralatan kepada sektor pertanian yang terkesan bencana alam termasuk banjir, setiap tahun. Menteriya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kementerian sentiasa mengambil tindakan bagi mengurangkan impak terhadap tanaman dan ternakan menerusi jabatan dan agensi di bawah MAFI yang sentiasa bersiap siaga, terutama dalam menghadapi banjir pada setiap penghujung tahun.

19 SEP, 2022

## Diskusi Industri Agromakanan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

# Diskusi Industri Agromakanan

Peluang masyarakat setempat bertanya terus kepada agensi MAFI

Oleh Siti Aisyah Narudin

**BELURAN:** Diskusi Industri Agromakanan anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sempena Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran buka peluang interaksi bersama masyarakat setempat.

Program berkenaan diadakan di tapak tamu di sini kelmarin dengan menampilkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee sebagai salah seorang ahli panel.

Beliau bersama ahli panel yang lain berpeluang membicarakan mengenai program-program pembangunan, dasar-dasar semasa dan pelaksanaan program semasa serta akan datang untuk daerah Beluran.

Ronald berkata, menerusi diskusi seumpama itu, kementerianya dapat menerima maklum balas komuniti agromakanan serta pandangan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan.



**DISKUSI:** Ronald (tengah) bersama ahli panel yang menjayakan Program Diskusi Industri Agromakanan.

Pada masa sama katanya, program itu turut memberikan keyakinan kepada komuniti agromakanan terhadap komitmen serta usaha-usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat.

"Masyarakat setempat berpeluang bertanya dan berinteraksi secara terus kepada agensi-agensinya di bawah Kement-

rian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengenai program dan projek pembangunan yang sudah dilaksanakan serta yang masih dalam proses serta akan dibangunkan bagi tahun semasa dan akan datang di Beluran," jelasnya.

Ahli panel lain yang menyertai Diskusi Industri Agromakanan itu termasuk Ketua Pengarah LPP Datuk Azofita

Salim; Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Yusoff Othman dan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razali.

Selain program diskusi, turut diadakan aktiviti MAFI Prihatin, My Best Buy, Kenduri Rakyat, dan Karnival Sukan Piala Peladang.





19 SEP, 2022

## Diskusi Industri Agromakanan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Peluang masyarakat setempat bertanya terus kepada agensi MAFI

BELURAN: Diskusi Industri Agromakanan anjuran LembagaPertubuhan Peladang (LPP) sempena Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran buka peluang interaksi bersama masyarakat setempat. Program berkenaan diadakan di tapak tamu di sini kelmarin dengan menampilkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee sebagai salah seorang ahli panel.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

## Bangkai penyu hijau ditemui di Pantai Mawilla

**LABUAN** - Bangkai seekor anak penyu hijau ditemui orang ramai di Pantai Mawilla di sini, petang Sabtu.

Penyu berukuran 45 sentimeter (sm) panjang dan 33sm lebar itu mempunyai bekas kecederaan pada badan, berkemungkinan akibat terkena kipas bot.

Pengarah Perkhidmatan Veterinar Labuan, Dr Marysia James Abie berkata, punca kematian haiwan itu tidak dapat dikenal pasti kerana ia sudah terlalu lama mereput melebihi 72 jam.

Kali terakhir penyu hijau terdampar di pulau ini ialah di Pantai Layang-Layangan pada 7 September 2021 yang ditemui tanpa kepala dan ekor. - *Bernama*



19 SEP, 2022

## Pasar tani berkonsepkan lestari dan pintar akan diperluas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

## Pasar tani berkonsepkan lestari dan pintar akan diperluas

**KUANTAN:** Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) di sini anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjadi lokasi pertama di negara ini mengaplikasikan konsep lestari dan pintar, dengan inisiatif itu akan diperluaskan keseluruh pasar tani di Pahang secara berperingkat.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Pahang Danuk Abd Rahim Muda berkata langkah itu antara lain

sebagai usaha memelihara alam sekitar apabila peniaga digalakkan menggunakan pembungkus mudah urai dan mengamalkan konsep kitar semula.

Selain tunai, menurut beliau pasar tani pintar itu juga menawarkan pembayaran menerusi aplikasi Kod QR dan e-dompot sekali gus mendedahkan pesertadengan perniagaan digital.

"Pasar tani UTC ini juga tidak lagi menggunakan

generator untuk bekalan elektrik sebaliknya menggunakan solar yang dilihat dapat mengurangkan pencemaran bunyi. Selain pasar tani, kita akan cadangkan supaya pasar malam juga melaksanakan inisiatif lestari dan pintar ini.

"Saya akan adakan mesyuarat bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) pada minggu depan dan cadangan ini akan dimaklumkan kepada PBT, dengan itu kita menjangkakan tahun depan lebih

banyak pasar tani dan pasar malam mengamalkan konsep sebegini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pasar Tani Lestari Pintar, di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah FAMA Pahang Saiful Safri berkata kira-kira 240 peserta pasar tani UTC yang beroperasi pada setiap Ahad bermula jam 7 pagi hingga 1 petang itu telah menawarkan bayaran tanpa tunai kepada pelanggan mereka. — Bernama



19 SEP, 2022

## Pasar tani berkonsepkan lestari dan pintar akan diperluas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUANTAN: Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) di sini anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjangka lokasi pertama di negara ini mengaplikasi konsep lestari dan pintar, dengan inisiatif itu akan diperluaskan ke seluruh pasar tani Pahang secara berperingkat. Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Pahang Datuk Abd Rahim Muda berkata langkah itu antara lain

sebagai usaha memelihara alam sekitar apabila peniaga digalakkan menggunakan pembungkus mudah urai dan mengamalkan konsep kitar semula.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2022	BERITA RTM	TV1	

## FAMA TO UPGRADE PASAR TAMU IN BELURAN





19 SEP, 2022

## Cash aid for disaster-hit agricultural sector

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

# Cash aid for disaster-hit agricultural sector

**BELURAN:** The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) has been channelling tens of millions of ringgit in the form of cash aid and equipment to the agricultural sector affected by natural disasters, including floods, yearly.

Its Minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the ministry is always alert and takes measures to reduce the impact on crops and livestock through departments and agencies under MAFI, especially in the face of floods at the end of every year.

"Disasters like floods always happen but the magnitude varies. Last year, for example, the extent of flooding across the country was quite critical and had an impact on the agriculture and food sectors.

"This year, we are always prepared to reduce the impact (of floods)," he told reporters after the Semarak Tani Keluarga Malaysia programme here on Sunday.

Ronald said fishermen,



Ronald (centre) with the contribution and incentive recipients at the Semarak Tani Keluarga Malaysia programme in Beluran yesterday. — Bernama photo

farmers and breeders are important communities that the government must take care of in line with the National Agriculture and Food Policy to ensure national food security.

On the Semarak Tani Keluarga Malaysia, Ronald said the programme is a compilation of products under MAFI to help strengthen rural agro-food communities and to disseminate information about the latest government approaches and policies directly to the local people.

"It is MAFI's effort to get direct views and feedback from the agro-food community on the impact of the ministry's implementation of policies and approaches. The programme also aimed to assure of the government's commitment and continuous efforts to improve their income and living standards.

At the event, Ronald, who is also Beluran MP, also witnessed the handing over of the new Beluran pasar tamu, which was developed by the

Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) for RM746,000 for the Beluran District Council.

Apart from that, he also presented fishermen's subsistence allowance (ESHN) amounting to RM193,275.80 in cash to 650 fishermen in Beluran.

Ronald said some 7,671 fishermen in Sabah received RM22,013,900 for this year.

The two-day programme which started on Saturday, has generated RM175,000 in sales involving 184 entrepreneurs with 21,000 visitors. — Bernama



19 SEP, 2022

## Cash aid for disaster-hit agricultural sector

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

**BELURAN:** The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) has been channelling tens of millions of ringgit in the form of cash aid and equipment to the agricultural sector affected by natural disasters, including floods, yearly.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2022	THE STAR	NATION	10

**Know your produce:**  
 Kiandee (second, left) chatting with a vendor at the Semarak Tani Keluarga Malaysia programme in Beluran.  
 — Bernama



## Cash aid for agriculture sector

**BELURAN:** Cash and equipment worth tens of millions of ringgit have been channelled to the agricultural sector affected by natural disasters, including floods, by the Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi).

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the ministry was always alert and took measures to reduce the impact of floods on crops and livestock through departments and agencies under Mafi.

“Disasters like floods always happen but the magnitude varies. Last year, for example, the extent of flooding across the country was quite critical and had an impact on the agriculture and food sectors.

“This year, we are prepared to reduce the impact (of floods),” he told reporters after the Semarak Tani Keluarga Malaysia programme here yesterday.

Kiandee said fishermen, farmers and breeders were important communities that the government must look after in line with the National Agriculture and Food Policy to ensure national food security.

On the Semarak Tani Keluarga Malaysia, Kiandee said the programme included products under Mafi to help improve rural agro-food communities and to disseminate information about the latest government approaches and policies directly to the local people.





DR Azman (tengah) melihat keropok keping yang dijual secara terus kepada penduduk oleh usahawan Pasar Tani Agro Pelancongan.

## Perluas Pasar Tani Agro Pelancongan

**Kuala Nerus:** Kerajaan negeri melalui pelbagai agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Mafi) akan memperluaskan Pasar Tani Agro Pelancongan di seluruh negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar, Dr Azman Ibrahim berkata, pasar tani berkenaan juga dapat membantu menambah pendapatan usahawan yang menghasilkan pelbagai produk berasaskan pertanian.

Katanya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) diminta memperluaskan pasar tani Agro Pelancongan di setiap zon di negeri ini.

"Usahawan yang menyertai projek percubaan pasar tani agro pelancongan memperoleh jualan sebanyak RM336,000 dalam tempoh lima minggu sejak dibuka pada 13 Ogos lalu," katanya selepas me-

rasmikan pasar tani agro pelancongan di kawasan lapang Jabatan Angkat Kuala Terengganu di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengarah Fama negeri, Nukman Hashim, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dr Anum Man dan Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh.

Seramai 102 usahawan pelbagai produk berasaskan pertanian dan kraftangan menyertai pasar tani itu.

Ia adalah yang pertama dibuka bertujuan menjimatkan kos penduduk dan pelancong serta menambah pendapatan usahawan adalah yang pertama diperkenalkan di negara ini.

Mengulas lanjut Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Jabi berkata, pasar tani agro pelancongan diadakan pada setiap hujung minggu dan memulakan operasi dari jam 4 petang hingga jam 10 malam.

19/9/2022

UTUSAN

DALAM

29

MALAYSIA

NEGERI

# 100 peratus pasar tani tanpa tunai di Pahang tahun depan

**KUANTAN:** Sebanyak 23 pasar tani di Pahang bakal melaksanakan konsep lestari dan pintar membabitkan transaksi tanpa tunai bagi keseluruhan urusniaganya, bermula tahun hadapan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Abd. Rahim Muda berkata, Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) di daerah ini dijadikan perintis melaksanakan konsep itu bukan sahaja di negeri ini malah seluruh negara.

Menurutnya, usaha tersebut dilaksanakan dengan kerjasama Lembaga Pemasteraan Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Usaha mewujudkan pasar tani ini bagi melaksanakan penambahbaikan kualitiya terutamanya membabitkan aspek kebersihan dan keselamatan.

"Konsep sebegini bukan sahaja diterapkan kepada pasar tani sahaja, malah, membabitkan pasar malam dan ia akan dilaksanakan secara berperingkat," katanya selepas me-

rasmikan. Pasar Tani Lestari dan Pintar di pekarangan Pasar Tani UTC di sini semalam.

Mergulas lanjut, Abd. Rahim berkata, PBT disarankan menggunakan konsep tersebut bukan sahaja disebabkan perkembangan teknologi, malah membantu peniaga menjual produk dengan lebih mudah.

Beliau berkata, ia dicetuskan ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) lalu bagi menggalakkan pembelian tan- pa sentuhan.

"Cadangan ini sebenarnya dicadangkan hanya untuk dilaksanakan di seluruh Pahang, namun, ia telah mula dikem- bangkan.

"Setakat ini, dianggarkan sebanyak 40 peratus pasar tani dan pasar malam negeri ini melaksanakannya dan akan mencapai 100 peratus bermu- la tahun depan," katanya.

Tambah beliau, dalam kon- sep tersebut, peniaga pasar malam tidak lagi digalakkan menggunakan generator yang boleh menyebabkan pence- maran bunyi, malah udara.



# Tiada transaksi tunai di pasar tani

23 lokasi pasar tani di Pahang akan laksana sepenuhnya tahun depan

Oleh **NORAWAZNI YUSOF**  
**KUANTAN**

**P**ahang akan melaksanakan konsep lestari dan pintar membabitkan transaksi tanpa tunai bagi keseluruhan urusan niaga di 23 pasar tani di negeri ini bermula tahun hadapan.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Abd Rahim Muda berkata, pasar tani di Pusat Transformasi Bandar (UTC) adalah antara pasar tani yang pertama melaksanakan konsep itu dan akan dicontohi oleh pasar tani di seluruh negeri dan negara.

Menurutnya, setakat ini dianggarkan sebanyak 40 peratus pasar tani sudah melaksanakan konsep ini dan selebihnya akan dilakukan secara berperingkat, termasuk memperluas konsep ini di pasar malam.

"Kerajaan Pahang menggalakkan pasar tani menggunakan konsep ini dan akan diperluaskan di daerah lain mulai tahun depan melalui Lembangan Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Selanjutnya menerusi mesyuarat kerajaan 22 Oktober nanti, kita akan membincangkan cara pelaksanaan konsep tanpa tunai ke semua pasar tani dan kalau boleh kita mahu penggunaan konsep ini mencapai 100 peratus bermula tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar merasmikan Pasar Tani Lestari dan Pintar di pekarangan Pasar Tani UTC di sini pada Ahad yang turut dihadiri Pengarah FAMA, Saiful Sadri.



Abd Rahim memupulkan cara penggunaan transaksi tanpa tunai kepada pengguna selepas merasmikan Pasar Tani Lestari dan Pintar di pekarangan Pasar Tani UTC, Kuantan pada Ahad.

Beliau menjelaskan usaha mewujudkan pasar tani pintar itu adalah bagi melaksanakan perambahbaikan kualiti terutamanya dari segi kebersihan dan keselamatan pengguna.

Tambahnya, perkembangan teknologi ini seiring, namun dalam masa yang sama perlu mengurangkan pencemaran, menjadikannya digunakan di setiap pasar malam kepada penggunaan kuasa solar.

lain itu, Abd Rahim mementingkan dalam konsep tersebut perniaga pasar malam juga tidak digalakkan lagi menggunakan generator.

"Justeru, melalui konsep lestari, perniaga disaran menggantikan mesin generator yang ke-

biasaannya digunakan di setiap pasar malam kepada penggunaan kuasa solar.

"Bagi urusan jual beli, semua perniaga disaran menukar plastik jualan kepada plastik jenis mudah terurai atau biodegradasi sekali gus mampu meminimumkan risiko pencemaran alam sekitar," katanya.

19/9/2022

SINAR  
HARIANNEGERI  
KEDAH

32

## MADA selesaikan isu projek pengairan

**ALOR SETAR** - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah mengambil beberapa inisiatif bagi memastikan Projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier di Blok Pengairan CCD1a, Wilayah 4 MADA di Kampung Benua dan Kampung Kebun Pinang di sini diselesaikan segera demi kemudahan pesawah.

MADA menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan berkata, blok pengairan CCD1a itu melibatkan Kampung Kebun Pinang, Kampung Benua, Kampung Simpang Empat, Kampung Tanah 100, Kampung Kuar dan Kampung Teluk Bagan dengan jumlah peladang seramai 467 orang.

Katanya, sebelum ini MADA bersama penguasa projek telah tiga kali menyerahkan surat peringatan berdaftar kepada kontraktor.

"Antara langkah segera yang perlu diambil bagi mengatasi masalah itu adalah melaksanakan kerja timbunan tanah secara serentak di setiap jajaran ladang, tali air dan parit," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menurut kenyataan terbabit, kerja-kerja lain turut melibatkan penyediaan lintasan sementara atau kekal di lokasi yang telah dikorek serta melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan perit yang telah siap dikorek.

"Selain itu, kerja-kerja pembinaan



Pesawah di Kampung Benua dan Kampung Kebun Pinang menunjukkan projek jalan ladang yang masih belum siap sepenuhnya ketika tinjauan *Sinar Harian* sebelum ini.

Kenyataan terbabit turut mengingatkan pesawah di kawasan Muda untuk menghubungkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) berdekatan sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mahupun aduan hendak disampaikan.

"MADA bersedia membantu para peladang menjayakan aktiviti penanaman padi di kawasan Muda," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan lebih 300 pesawah di Kampung Benua dan Kampung Kebun Pinang menggesa pembinaan jalan ladang dipercepatkan untuk membolehkan kerja-kerja menuai di 287 hektar sawah berjalan lancar.

struktur diminta supaya dilaksanakan secepat-mungkin," katanya.

Kenyataan itu menambah, masalah pesawah tersebut turut dibangkitkan kepada pegawai penguasa projek agar pihak kontraktor dapat mengoptimalkan kerja-kerja pembinaan.

"Semua itu bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut tempoh masa, kos dan kualiti ditetapkan.

"Dalam masa sama, pihak MADA akan memastikan aktiviti di peringkat ladang dapat dilaksanakan dengan sempurna dengan gangguan paling minimum," katanya.





**NIK MUHAMMAD ZAWAWI** (tiga dari kiri) bersama kumpulan ibu tunggal yang hadir semasa PJMKM 2.0 Dun Tawang di Bachok semalam. — TOREK SULONG

## Jualan Murah Keluarga Malaysia capai sasaran

**BACHOK** — Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) 2.0 yang dibuat di 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini berjaya mencapai sasaran apabila dapat meringankan beban rakyat terutamanya keluarga miskin dan golongan B40.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pelaksanaannya sekurang-kurangnya satu hingga tiga kali sebulan telah mencatat nilai jualan lebih RM3.4 juta dengan melibatkan seramai 73,266 orang pembeli.

Katanya, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) bersama pelbagai agensi pertanian memilih lokasi tumpuan petani, nelayan dan miskin bandar dalam usaha melaksanakan program meringankan beban rakyat tanpa

menjejaskan sumber pendapatan peniaga lain.

“Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kelantan merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan PJMKM 2.0 di semua DUN dengan peruntukan lebih RM5.6 juta bagi tempoh lima bulan. Setiap DUN membelanjakan sebanyak RM125,000.

“Program ini menawarkan pengurangan harga barangan hingga 20 peratus daripada harga pasaran semasa. Selain itu, wakil rakyat setempat turut membantu menambah peruntukan sediakan barangan keperluan yang lebih murah,” katanya ketika ditemui semalam.

Tambahnya, barangan keperluan yang boleh diberi potongan harga antaranya ayam, ikan, hasil laut, telur ayam, gula, minyak masak, tepung gandum, beras dan sayur.

19/9/2022

SINAR

NEGERI

35

HARIAN

KELANTAN

# Kelantan hab ternakan biri-biri garut

Harganya mencecah sehingga RM5,000 seekor

Oleh ADILA SHARINNE WAHED  
PASIR MAS

**P**enternak biri-biri baka garut mahu Kelantan menjadi hab ternakan haiwan itu bagi meningkatkan pendapatan mereka. Pengerusi Penganjur Pertunjukan Domba Garut, Ahmad Marzuki Ab Hamid berkata, garut berpotensi tinggi untuk dikomersialkan kerana nilai dalam pasaran tempatan mencecah sehingga RM5,000 seekor.

"Spesies biri-biri ini berasal dari Indonesia yang mullanya dibawa masuk ke negara kita untuk menjana pendapatan penternak, namun bertukar kepada hobi kerana tanduknya yang sangat cantik.

"Baka asli garut berkualiti



Ahmad Marzuki (dua dari kiri) dan Ahmad Fadhli menunjukkan tanduk biri-biri baka garut.



Biri-biri garut memiliki tanduk yang cantik.

tinggi yang dipanggil F One di Indonesia mencecah ratus juta rupiah atau antara RM40,000 hingga RM50,000 seekor," katanya ketika ditemui pada Pertunjukan Domba Garut di Tendong, di sini pada Sabtu.

Turut hadir Ketua Pemuda Pas, Ahmad Fadhli Shaari yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas.

Ahmad Marzuki berkata, baka garut yang ada di Malaysia sudah lama dibawa masuk ke negara ini lebih 10 tahun lalu dan sudah bercampur dengan baka biri-biri tempatan.

"Sebab itulah, usaha membawa masuk lebih banyak baka asli ini diperlukan untuk mengekalkan keaslian garut di negara ini.

"Garut boleh dikomersialkan sama ada sebagai hobi atau ternakan untuk korban atau akikah kerana saiznya yang lebih besar berbanding biri-biri tempatan," katanya.

Sementara itu, Ahmad Fadhli berharap kerajaan dapat memper-tingkatkan cadangan Kelantan khususnya Pasir Mas menjadi hab

pembinaan dan penternakan garut bagi menjaga pendapatan selain tarikan pelancongan.

"Penternakan biri-biri ini sudah puluhan tahun, tetapi tidak berpeluang untuk dikembangkan kerana polisi yang agak ketat antara Malaysia dan Indonesia," katanya yang mahu membawa masuk baka garut baharu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2022	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	37



REBAN ternakan ayam kampung milik Mohd Fansuri Ahmad yang diusahakan sekitar kawasan Bukit Chabang, Padang Besar, Perlis. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

## Rezeki beralih bidang, mampu pasarkan lebih 2,000 ekor ayam

### INSPIRASI NIAGA

Oleh ASYRAF MUHAMMAD  
utusannews@mediamulia.com.my

SIAPA sangka percubaannya menukar bidang pekerjaan daripada seorang petugas industri minyak dan gas kepada penternak membuahkan hasil apabila Mohd. Fansuri Ahmad kini menjadi antara pembekal ayam kampung terbesar di Perlis.

Selepas menubuhkan syarikat miliknya sendiri dikenali sebagai Mount Valley Agritech, anak kelahiran Alor Sena itu kini mampu membekalkan sekitar 1,500 ke 2,000 ekor ayam kampung sebulan untuk pasaran di seluruh negeri itu.

Mohd. Fansuri berkata, dia mula mendapat pendedahan dalam bidang penternakan dengan membela ayam daging dan ayam kacuk pada tahun 2015 di Alor Sena dengan jumlah tak sampai 100 ekor.

"Kemudian saya beralih dalam bidang penternakan dengan membela ayam daging dan ayam kacuk pada tahun 2015 di Alor Sena dengan jumlah tak sampai 100 ekor.

"Ketika itu pelbagai dugaan dan proses pembelajaran terpaksa dilalui bagi mengusahakan penternakan ini," katanya.

Menurut bapa kepada empat cahaya mata itu, dia bersama adiknya mula bertindak berani apabila cuba mengusahakan penternakan ayam kampung asli di sekitar Bukit Chabang, di sini, dalam skala lebih besar sekitar 2019.

Selepas beberapa ketika, beliau berkata, pihaknya mendapati ayam kampung asli tidak begi-



MOHD. Fansuri Ahmad (tengah) turut mendapat bimbingan daripada wakil agensi seperti MARDI dan Jabatan Veterinar dalam menjalankan penternakan berkenaan.



PENTERNAKAN diusahakan Mohd. Fansuri Ahmad menunjukkan peningkatan selepas menukar baka jenis ayam kampung saga.

tu mendatang pulangan berikutan proses kematangannya mencapai tempoh sehingga lima ke enam bulan dan turut melibatkan pertambahan kos makanan.

"Selepas itu, dalam pertengahan tahun lalu, kami membawa masuk kumpulan pertama anak ayam kampung baka saga yang dibeli daripada pengeluar parent stock dari Melaka.

"Baka ayam kampung saga ini lebih cepat membesar dan berkualiti berbanding ayam kampung lain," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Fansuri berkata, dia kini mengusahakan lapan reban di atas sebidang tanah berkeluasan 24,000 kaki persegi bagi menjalankan penternakan ayam kampung saga berkenaan.

Katanya, kos permulaan bagi menjalankan penternakan dan perusahaan itu adalah sekitar RM500,000 sehingga RM600,000.

"Kami cuba bangunkan perusahaan ini dengan tidak me-



MOHD. Fansuri Ahmad (dua dari kanan) turut menerima kunjungan daripada pihak luar yang ingin melihat secara lebih dekat kaedah penternakan dijalankan olehnya itu.

mikirkan margin keuntungan dan mungkin selepas lima ke enam tahun ke depan baru kita fokuskan ke arah itu.

"Buat masa ini kita juga memberi tumpuan kepada penyelidikan untuk bangunkan lagi perusahaan penternakan ini," katanya.

Selain menjual daging ayam kampung, Mohd. Fansuri berkata, pihaknya turut memberi fokus kepada pengeluaran anak ayam dan dedak yang dikenali sebagai bokashi.

"Bokashi adalah sumber makanan organik yang ditapaikan dan ia lebih sihat serta kurang berbau. Ayam lebih sukakan bokashi ini kerana kandungan nutrien sama seperti dedak biasa," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Fansuri berkata, reban miliknya juga turut menggunakan kaedah solar bagi menyalurkan bekalan elektrik buat sistem inkubator bagi penetasan telur ayam kampung.

Katanya, dia turut mengoptimalkan penggunaan sistem

kebocoran air automatik bagi mengesan bau amonia yang boleh menyebabkan penyakit kepada ayam di reban berkenaan.

"Salah satu musuh ketat dalam penternakan ayam ialah kebocoran air di mana apabila ia berlaku, akan menyebabkan bau kuat setelah bercampur dengan sekam padi yang mempunyai najis.

"Keadaan dalam reban ayam sepatutnya kering bagi mengelakkan kehadiran lalat yang boleh membawa penyakit," katanya.

Tambah beliau, pihaknya mendapat bimbingan daripada beberapa agensi dalam menjalankan penternakan berkenaan antaranya seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Saya juga bercadang untuk kembangkan lagi perusahaan ini pada masa hadapan dengan membuka lebih banyak reban bagi penternakan ayam kampung ini untuk pasaran luar Perlis," katanya.